

16
NO. SOALAN : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENG GAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan masih bercadang untuk meneruskan pembinaan kem tentera di Sikuati, Kudat.

Apakah status terkini cadangan pembinaan kem ini.

JAWAPAN:

Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan terhadap keutuhan pertahanan dan keselamatan negara. Berikut insiden yang berlaku di timur Sabah pada tahun 2013, penekanan lebih diberikan terhadap mempertahankan dan meningkatkan keselamatan Pantai Timur Sabah. Selain daripada menempatkan aset-aset ketenteraan di lokasi-lokasi strategik, Kementerian Pertahanan juga merancang membina beberapa kem tentera di kawasan tersebut. Salah satu penempatan yang akan dibina adalah di Kudat.

Pembangunan yang dirancang adalah sebahagian daripada pembangunan di bawah Briged ESSCOM. Pembangunan ini akan meliputi daerah Semporna, Lahad Datu dan Kudat. Pada masa ini, pembangunan Briged ESSCOM akan mula dilaksanakan di Lahad Datu dan seterusnya di lokasi lain. Dengan pembangunan ini, pertahanan dan keselamatan di Pantai Timur Sabah dapat dipertingkatkan lagi.